

PIAGAM PELANGGAN

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

SIJIL IKAN & HASILAN IKAN

Mengeluarkan Sijil Kesihatan bagi ikan hidup (ikan hiasan dan ikan makan), Sijil Tempasal Bukan Keutamaan (NPCO) bagi ikan dan hasilan ikan dan permit CITES dalam tempoh tiga (3) hari bekerja bagi permohonan lengkap.

KHIDMAT KEPAKARAN & TEKNIKAL

Memberi khidmat kepakaran/teknikal dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh terima permohonan yang lengkap.

CAJ PEMULIHARAAN

Memberi keputusan pengecualian caj pemuliharaan (remittance fee) dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.

PERMIT & LESEN AKUAKULTUR

Mengeluarkan permit/lesen akuakultur dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap (terpakai di WP Labuan dan WP Kuala Lumpur sahaja).

PERUNDANGAN

Mengeluarkan arahan lanjut/keputusan kes dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh penerimaan kertas siasatan.

PENGUATKUASAAN

Memberi perkhidmatan perhubungan dua puluh empat (24) jam kepada kumpulan sasar yang menyalurkan aduan melalui FISHCOM.

KURSUS & LATIHAN BERJADUAL

Memberi jawapan kepada setiap permohonan untuk mengikuti kursus berjadual yang dianjurkan oleh Jabatan selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas permohonan diterima.

ADUAN AWAM

Memberi maklumbalas ke atas setiap aduan awam dalam tempoh empat belas (14) hari.

LESEN VESEL & PERALATAN MENANGKAP IKAN

Memperbaharui Lesen Vessel dan Peralatan Menangkap Ikan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja setelah mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

PENGECCUALIAN CUKAI

Memberi laporan penilaian pengecualian cukai dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas siasatan dijalankan bagi permohonan yang lengkap.